

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

APRIL 1995

RPK 535 - Perancangan Wilayah dan Desa

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. "Pembangunan Agropolitan merupakan satu konsep pembangunan masyarakat yang ideal, bukan satu pendekatan perancangan pembangunan wilayah yang praktis".

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujukkan kepada keadaan semasa di beberapa buah negara di Asia.

(100 markah)

2. "Ketaksamaan wilayah yang tinggi dikaitkan dengan peringkat awal pembangunan, sementara ketaksamaan wilayah yang rendah dikaitkan dengan peringkat pembangunan yang lebih maju".

Berdasarkan pernyataan di atas;

- (a) Terangkan mana-mana satu indeks yang boleh mengukur ketaksamaan wilayah.
- (b) Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi ketaksamaan wilayah di setiap peringkat pembangunan sesebuah negara.

(100 markah)

- (a) Apakah perkara-perkara penting yang perlu diambil kira dalam pembentukan sesuatu dasar wilayah bagi sesebuah negara?

- (b) Terangkan perkembangan dasar pembangunan wilayah di Semenanjung Malaysia semenjak tahun 1950.

(100 markah)

4. Terangkan peranan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) dalam pembangunan wilayah di Malaysia. Pada pendapat anda, sejauhmanakah LKW telah mencapai matlamat penubuhannya?

(100 markah)

...2/-

5. Mengapakah perancangan desa diperlukan? Bincangkan aspek-aspek penting dalam perancangan desa.

(100 markah)

6. Huraikan isu dan masalah pembangunan desa di Malaysia. Pada pandangan anda, sejauh manakah isu dan masalah tersebut telah dapat ditangani?

(100 markah)

ooooOOooo